

Program APBR-Care: Infaq Ramadhan 2021 Bersama Pertubuhan Anak Yatim Darul Aminan (PAYDA)

MASHITAH NORDIN, NOR HANIZA HASAN

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Kampus Rembau

Pada 26 April 2021, seramai tujuh orang pensyarah bahasa di bawah Jawatankuasa PJIM APB UiTM Kampus Rembau bersama Koordinator APB Rembau, PM Dr Soo Kum Yoke telah mengadakan program APBR-Care: Infaq Ramadhan 2021 bersama PAYDA. Pertubuhan tersebut ditubuhkan pada tahun 2006 oleh Tuan Haji Kamalul Arifin. Ia terletak di Ampangan Seremban, Negeri Sembilan. Pertubuhan anak yatim ini mempunyai 21 orang anak yatim lelaki dan perempuan yang berumur antara 7 hingga 18 tahun.

Program ini berbentuk pemberian sumbangan makanan berbuka puasa kepada anak-anak yatim dan pihak pengurusan PAYDA. Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh PM Dr Soo Kum Yoke kepada wakil PAYDA mengikut SOP yang ditetapkan. Tiada aktiviti bersemuka yang dijalankan kerana Seremban berada dalam tempoh PKPB. Namun, ini tidak menjadi penghalang untuk pensyarah-pensyarah bahasa di APB UiTM Kampus Rembau menjalankan program kemasyarakatan.

Program ini telah mencapai objektifnya iaitu telah memupuk rasa keprihatinan dan kecaknaan terhadap kepentingan perkhidmatan kepada komuniti dan masyarakat serta mewujudkan peluang untuk menjalin dan mengeratkan hubungan baik bersama masyarakat.

Program seperti ini juga penting supaya dapat memberi kesedaran dalam kalangan pensyarah tentang tanggungjawab sosial terhadap masyarakat khususnya kepada anak-anak yatim.

APBR-Care...Kami ambil tahu.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan